

15 JAN 2002

Ling-Yaman/I (Bergambar)

PENERBANGAN SULUNG YEMENIA MENDARAT DI KLIA

SEPANG, 15 Jan (Bernama) -- Penerbangan IY 862 syarikat Penerbangan Yemenia dari Yaman mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) hari ini dengan membawa 150 penumpang dalam penerbangan sulung syarikat itu ke Malaysia.

Dengan penerbangan Yemenia ke KLIA, jumlah syarikat penerbangan yang beroperasi melalui KLIA meningkat kepada 42.

Penerbangan IY 862 tiba dari Sana'a, ibu kota Yaman, pada 2.10 petang selepas singgah selama sejam di Dubai.

Penumpang-penumpang dalam pesawat itu yang termasuk Timbalan Menteri Pengangkutan Yaman, Yahya A.Al-Kohlani diberi sambutan mesra melalui satu acara yang diatur oleh Malaysia Airports Holdings Berhad dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang menyambut ketibaan penerbangan itu, berkata beliau berharap hubungan baik antara Malaysia dan Yaman akan meningkat.

"Selepas Sept 11 (apabila pengganas menyerang New York dan Washington), kita akan melihat ramai penumpang dan ahli perniagaan dari Asia Barat kerana mereka sudah mula memandang ke timur dan datang ke Malaysia," katanya.

Katanya, perjanjian penerbangan yang ditandatangani dengan Republik Yaman itu bermula dengan perbincangan yang diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa beliau berkunjung ke negara Arab itu Ogos lalu. Pelancongan adalah topik utama dalam perbincangan berkenaan.

Dr Ling berkata, dengan penerbangan Yemenia ke KLIA, Malaysia juga menjangka akan wujud pertukaran budaya serta perdagangan ke arah mempereratkan hubungan antara kedua-dua negara.

Turut hadir ialah Pengarah Eksekutif Malaysia Airports Holdings Berhad Datuk Adnan Shamsuddin dan Duta Yaman ke Kuala Lumpur, Mohamed Taha Mustafa.

Yemenia akan membuat penerbangan dua kali seminggu ke Kuala Lumpur iaitu pada Ahad dan Khamis untuk memenuhi permintaan ramai pelancong dari Asia Barat. Yemenia akan memulakan operasinya pada 30 Jan ini.

-- BERNAMA

SNS AHH SP MAI